

# Pembantu rumah ditemui mati tergantung

**L**UMUT 9 Mei — Seorang pembantu rumah berusia 17 tahun ditemui mati tergantung di ruang tamu kuarters Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Jurucakap Balai Polis Lumut berkata, gadis itu yang tergantung dengan kain sari ditemui pada

kira-kira pukul 7 malam ketika pasangan suami isteri yang menduduki rumah itu baru pulang dari bekerja.

Pembantu rumah yang juga anak saudara kepada pasangan suami isteri itu didapati telah meninggal dunia setelah pasangan itu memasuki rumah

melalui tingkap kerana pintu terkunci dari dalam.

Pasangan suami isteri berusia 30-an itu pergi bekerja pada pukul 1.30 tengah hari semalam dan meninggalkan anak mereka berusia dua tahun dengan pembantu rumahnya.

Apabila pasangan itu kembali ke rumah, mereka mendapati pintu hadapan berkunci dan memanggil beberapa kali pembantu rumah itu tetapi tidak berjawab lalu mereka memecahkan tingkap untuk memasuki rumah.

Sebelum itu pembantu

rumah yang berasal dari Ayer Tawar itu menghubungi keluarganya melalui telefon.

Bagaimanapun pasangan itu tidak tahu masalah yang dihadapi oleh pembantu rumah itu.

Polis tidak menyifatkan kejadian itu sebagai kes jenayah. — Bernama